

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 5 2020

## PERNIAGAAN

Kertas 2

Oktober

2 jam 15 minit

---

---

## PERNIAGAAN

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

---

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian : **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A**, **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** soalan di **Bahagian C**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas tulis yang disediakan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 95 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan **bahagian B** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian C**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

BAHAGIAN A  
[ 50 markah ]  
Jawab **lima** soalan sahaja.

1. Rajah di bawah menunjukkan dua organisasi



Gambar A



Gambar B

- (a) Nyatakan kedua-dua bentuk organisasi di Gambar A dan Gambar B [ 2 markah ]
- (b) Bandingkan dari segi aktiviti dan tujuan kedua-dua organisasi di atas [ 4 markah ]
- (c) Jelaskan dua kelebihan pemilikan di Gambar A [ 4 markah ]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pemilikan perniagaan

J'GEMILANG SDN.  
BERHAD


Milikan X

AGENSI  
PELANCONGAN SRI BAYU

Milikan Y

- (a) Jelaskan ciri milikan X? [ 3 markah ]
- (b) Jelaskan maksud perkataan "Berhad" pada perniagaan milikan X. [ 3 markah ]
- (c) Jelaskan kepentingan sektor di Y kepada pertumbuhan ekonomi negara. [ 4 markah ]

3. Rajah di bawah menunjukkan grid gaya pengurusan yang diamalkan dalam perniagaan.




(a) Jelaskan setiap yang berikut:

- (i) Gaya pengurusan (1,1)
- (ii) Gaya pengurusan (9,9)

[ 2 markah ]  
[ 2 markah ]

(b) Rajah di bawah menunjukkan graf titik pulang modal (TPM).



- (i) Nyatakan manakah kawasan untung
- (ii) Jelaskan jenis kos pada garisan R

[ 1 markah ]  
[ 2 markah ]

(c) Gambar logo di bawah menunjukkan agensi kerajaan di peringkat daerah di Malaysia.



Kenal pasti agensi tersebut. Jelaskan perannya.

[ 3 markah ]

4. (a) Perbualan di bawah antara pengurus sumber manusia ( Amran ) dan seorang calon ( Mursyid ) untuk jawatan ketua chief di Hotel ABC yang baru mula beroperasi di Kuantan.

Amran : Boleh nyatakan bidang kelulusan kamu?

Mursyid : Saya mempunyai Diploma Kulineri dalam bidang masakan dan membuat kek.


Amran : Pernahkan bekerja di tempat lain sebelum ini?

Mursyid : Saya pernah bekerja selama 5 tahun di Hotel Vista Kuantan, saya ditugaskan untuk menyiapkan hidangan berdasarkan menu yang ditetapkan oleh pihak hotel. Selain itu saya juga berkebolehan dalam membuat gubahan untuk majlis perkahwinan.

Jelaskan **dua** keperluan kemahiran keboleherjaan yang ada pada Mursyid.

[ 4 markah ]

(b) Rajah di bawah berkaitan carta organisasi berdasarkan fungsi jabatan yang terdapat dalam Syarikat Sinar Bintang Berhad.



Jelaskan aspek penting yang digambarkan oleh struktur organisasi di atas.

[ 4 markah ]

(c) Logo di bawah berkaitan sebuah agensi kerajaan.



Berikan **dua** peranan agensi tersebut.

[ 2 markah ]

5. Rajah di bawah menunjukkan jenis sumber teknologi



- (a) Jelaskan jenis sumber teknologi tersebut. [ 3 markah ]  
(b) Jelaskan prosedur mengurus sumber teknologi di atas. [ 3 markah ]

(c) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Encik Ben, seorang pengeluar dan pembekal pakaian seragam.

Encik Ben baru sahaja menerima kontrak membuat 100 000 pasang pakaian seragam setahun pada tahun 2018. Beliau menghadapi masalah kekurangan mesin jahit sebanyak 30 buah yang bernilai RM250 000. Namun begitu beliau tidak berhasrat untuk memiliki mesin jahit tersebut apabila tamat kontrak.

Tentukan sumber pembiayaan luaran yang sesuai digunakan oleh Encik Ben.  
Kemukakan alasan anda. [ 4 markah ]

6. Maklumat kewangan berikut dipetik daripada Perniagaan Dinamik.

Perniagaan Dinamik  
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

	RM	RM
Jualan bersih		110 000
<b>Tolak:</b> Kos Jualan		
Stok/Inventori 1 Januari	7 660	
Belian bersih	<u>75 680</u>	
Kos barang untuk dijual	83 340	
<b>Tolak:</b> Stok/Inventori 31 Disember	<u>6 340</u>	
Kos jualan		<u>77 000</u>
Untung kasar		33 000
<b>Tolak:</b> Belanja		<u>19 200</u>
Untung bersih		13 800

Perniagaan Dinamik  
Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2016

	RM	RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Premis			58 000
<b>Aset Semasa</b>			
Penghutang	11 560		
Stok/Inventori 31 Disember	6 340		
Bank	<u>11 600</u>	29 500	
<b>Tolak: Liabiliti Semasa</b>			
Pemiutang		<u>13 700</u>	
<b>Modal Kerja</b>			<u>15 800</u>
			<b><u>73 800</u></b>
<b>Ekuiti Pemilik</b>			
Modal 1 Januari			60 000
<i>Tambah:</i> Untung bersih			<u>13 800</u>
			<b><u>73 800</u></b>

Hitungkan:

- |     |                           |              |
|-----|---------------------------|--------------|
| (a) | Analisis nisbah untung    | [ 3 markah ] |
| (b) | Analisis nisbah kecairan  | [ 3 markah ] |
| (c) | Analisis nisbah kecekapan | [ 4 markah ] |

**Bahagian B**  
[30 markah]

Jawab **mana-mana dua** soalan pada bahagian ini

7. Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Arif.

Kilang batik Sri Cahaya, Kota Bharu Kelantan dimiliki oleh Encik Arif terkenal dengan penghasilan pelbagai motif batik yang berkonsepkan tumbuhan semulajadi. Hasil batiknya di pameran di kilang dan dijual untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Pelbagai kaedah dilakukan untuk melariskan jualan batiknya, antaranya jualan penghabisan stok hujung tahun dengan menawarkan diskaun sehingga 70% yang telah diumumkan kepada pelanggan melalui Radio Manis FM, Kota Bharu dan edaran risalah.

(a) Jelaskan strategi campuran pemasaran yang terlibat berdasarkan situasi di atas. [ 8 markah ]

(b) Perbualan di bawah antara Encik Ezzul dan rakan kongsinya Encik Nazim dalam perniagaan perkongsian.

**Encik Ezzul:** Saya sarankan kita ubah perkongsian biasa kepada syarikat sendirian berhad. Dengan cara ini, modal terkumpul lebih banyak untuk kita menghasilkan produk yang lebih banyak.

**Encik Nazim:** Pada pendapat saya, lebih baik kita ubah perkongsian biasa kepada perkongsian liabiliti terhad.

Jelaskan mengapa anda bersetuju dengan pendapat Encik Nazim.

[ 7 markah ]

8. Kaji situasi di bawah dan jawab soalan berikutnya.

Asri baharu saja menubuhkan perniagaan kedai cucian pakaian. Dia berhasrat memohon pinjaman RM60 000 selama 3 tahun daripada bank bagi membeli 2 buah mesin basuh dan pengering pakaian serta membiayai modal kerja.

Pihak bank telah meluluskan pinjaman untuk tempoh setahun pembayaran balik dengan kadar faedah 7% berserta syarat Asri mesti menyediakan cagaran. Akhirnya Asri memutuskan untuk menggunakan sumber dalaman. Ibubapanya telah menawarkan pinjaman sebanyak RM70 000 kepadanya.

- (a) Mengapakah Asri membuat keputusan tersebut? [ 7 markah ]
- (b) Terangkan agensi kerajaan yang boleh membantu Asri dalam menjalankan perniagaannya. [ 8 markah ]

9.

(a) Perubahan yang berlaku di persekitaran dunia perniagaan tidak kira kecil atau besar boleh memberi kesan kepada sesebuah syarikat perniagaan.

Jelaskan faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan tersebut. [ 8 markah ]

(b) Jelaskan kesan kegagalan pencapaian objektif perniagaan terhadap pencapaian visi dan misi perniagaan. [ 7 markah ]

## Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

Pada tahun 2010 Encik Faizal telah berjaya mendapat Ijazah Perniagaantani dari Universiti Pertanian Malaysia. Setelah bekerja selama lima tahun sebagai pensyarah di universiti tersebut, beliau telah meletak jawatan. Dengan pengetahuan yang dimiliki beliau bercadang menceburi bidang perniagaan yang berkaitan tumbuhan cendawan. Berbekalkan modal sebanyak RM50 000 hasil simpanan sendiri dan RM100 000 yang diperolehi melalui pinjaman Tabung Usahawan Muda, Encik Faizal berjaya merealisasikan impiannya untuk bergelar sebagai seorang usahawan.

Encik Faizal menubuhkan Syarikat Fresh Mushroom yang mengusahakan cendawan bermutu tinggi untuk pasaran tempatan. Pada peringkat awalnya hasil jualan cendawan di pasaran tempatan sangat memuaskan, pada tahun tertentu didapati hasil jualannya merosot kerana terpaksa bersaing dengan pengeluar lain. Ini menyebabkan beliau menghasilkan cendawan baru sebagai satu cara untuk memulihkan semula imej perniagaan yang semakin merosot.

Encik Faizal telah mendirikan sebuah makmal penyelidikan dan berjaya menghasilkan sejenis cendawan istimewa iaitu "***cendawan enok***" yang mana kualitinya lebih baik berbanding dua jenis cendawan yang dikeluarkan pada awal operasi perniagaannya pada tahun 2015. Namun begitu beliau menghadapi masalah berkaitan pekerja yang tidak mahir dan peralatan yang digunakan sering mengalami kerosakan. Ini secara tidak langsung menjejaskan pengeluaran cendawan dalam skala yang lebih banyak.

Maklumat di bawah berkaitan Syarikat Fresh Mushroom dalam menghasilkan "***cendawan tiram***" untuk pasaran tempatan dalam tempoh setahun.

Kos berubah sepaket cendawan	RM4.50
Kos buruh untuk menghasilkan sepaket cendawan	RM1.50
Jumlah gaji kakitangan dan sewa premis setahun	RM43, 000
Anggaran kos elektrik dan air setahun	RM 5, 000
Harga jualan sepaket cendawan yang ditetapkan syarikat	RM12.00

Berikut merupakan tiga jenis cendawan yang dikeluarkan oleh Syarikat Fresh Mushroom dan nilai jualan yang diperolehi sepanjang 4 tahun.

Jenis	2015 RM	2016 RM	2017 RM	2018 RM
 <p>Cendawan Tiram</p>	45, 000	60, 000	65,000	55,000
 <p>Cendawan Enoki</p>	-	40, 000	55, 000	75, 000
 <p>Cendawan Butang</p>	40, 000	30,000	35, 000	40, 000

“**Cendawan enoki**” yang baru dihasilkan telah menarik minat pelanggan tempatan terutama pengusaha restoran dan peniaga luar negara. Syarikat Fresh Mushroom mencadangkan agar strategi pemasaran melibatkan aspek harga dan promosi sahaja diberi fokus untuk menembusi pasaran antarabangsa. Hal ini tidak dipersetujui oleh bahagian fungsi pengeluaran dan fungsian pengagihan.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- (a) Jelaskan jenis sumber pembiayaan berdasarkan kes di atas,  
[ 3 markah ]
- (b) Hitungkan unit pengeluaran untuk mencapai titik pulang modal (TPM)  
[ 4 markah ]
- (c) Jelaskan aspek pengurusan yang perlu diberi perhatian dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh Syarikat Fresh Mushroom.  
[ 4 markah ]
- (d) Terangkan **dua** ciri-ciri keusahawanan yang ada pada Encik Faizal.  
[ 4 markah ]
- (e) Wajarkah tindakan Encik Faizal untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara dengan hanya menekankan aspek harga dan promosi sahaja.  
[ 5 markah ]

***Kertas soalan tamat***